

Penghuni warga asing pengotor

Berita Harian 28/07/2010 MS 2

Sisa buangan dibiarkan bertabur, rumah sampah disediakan tak dimanfaatkan

Oleh Nor Hatina Shuib
bhnews@bharian.com.my

SHAH ALAM: Masalah segelintir penduduk di pangsapuri di sekitar bandar raya ini yang bersikap sambil lewa terhadap kebersihan dan cara teratur membuang sampah, bukan perkara baru, malah ia turut berlaku di sebuah pangsapuri di Seksyen 20, di sini, yang menjadi mangsa sikap tidak prihatin penduduk yang kebanyakannya warga asing.

Tinjauan *Sentral* mendapati, keadaan sampah bertaburan di beberapa rumah sampah yang disediakan dan keadaan ini menjijikkan apabila sampah sarap seperti sisa makanan, tong kosong, tin minuman serta plastik dhu-rungi-lalat.

Penduduk yang hanya mahu dikenali sebagai Zakaria, berkata beliau yang menetap di pangsapuri itu sejak lapan tahun lalu, melihat masalah sampah pukat yang tidak diuruskan dengan sempurna seakan tidak pernah berak-hir.

"Saya kecewa apabila penduduk di sini tidak mahu bersama menjaga dan member-sihkan kawasan ini. Walau-pun gotong-royong dijalankan, namun keadaan akan kembali kotor dan terbiar. Jadi sampai bila masalah ini akan berakhir dan kami dapat hidup selesa," katanya.

Beliau berkata, masalah tidak sepatat itu berlaku berikutan ramai di kalangan penghuni unit di pangsapuri



SAMPAH dibiarkan bertaburan menunjukkan sikap tidak prihatin penghuni sebuah pangsapuri di Seksyen 20, Shah Alam.

itu di kalangan warga asing yang menyewa di situ.

Katanya, masalah komunikasi dan gaya hidup adalah penghalang kepada masyarakat setempat untuk bekerjasama dengan warga asing.

"Kehadiran warga asing menjadikan kerjasama sukar dicapai. Lagipun mereka membuat hal sendiri dan tidak bercampur dengan penduduk tempatan," katanya.

Penduduk, Mohamad Ghazali Ibrahim, 39, berkata masalah sampah pukat dan persekitaran pangsapuri yang

“Kehadiran warga asing menjadikan kerjasama sukar dicapai. Lagipun mereka membuat hal sendiri dan tidak bercampur dengan penduduk tempatan”

Zakaria
Penduduk

kotor itu boleh diselesaikan jika semua penduduk bekerjasama.

"Jika ada kesepakatan bersama, masalah sampah ini tidak akan berlaku. Sepatutnya penduduk mempunyai sikap prihatin bahawa sampah harus dibuang dalam rumah sampah dan bukan dicampakkan di luar hingga menggamit perhatian haiwan seperti kucing, anjing atau serangga di situ," katanya.

Beliau berkata, perbuatan membuang sampah di luar

rumah sampah bukan saja mengundang penyakit, malah menyebabkan pemandangan di pangsapuri itu menjadi buruk.

"Saya harap penduduk di sini membuka mata dan menjalankan tanggungjawab sebagai penduduk yang berhemah," katanya.

Pada masa sama, Mohamad Ghazali turut mencadangkan supaya gotong-royong secara berkala diadakan bagi membersihkan serta mengindahkan pemandangan pangsapuri itu.